



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7042/7043/
7045/7520
Faks : 03-5510 3062

Rujukan tuan :
Rujukan kami : IPK.Sel.Pent.
100-1/7/2(2)
Tarikh : 25 R'Awal 1437H
6 Januari 2016

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YAD/YB/YBhg Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING SUK BIL. 26 TAHUN 2016

PERUBAHAN KADAR SEWAAN BANKUET, DEWAN JUBLI PERAK BANGUNAN SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berhubung daripada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) ke 30/2015 yang telah diadakan pada 17 September 2015 adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat MMKN telah menimbang dan meluluskan cadangan perubahan kadar sewaan bagi Dewan Bankuet, Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam untuk orang persendirian/pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah seperti jadual berikut :

PERKARA	KADAR DEWAN BANKUET BAGI ORANG PERSENDIRIAN/PIHAK SWASTA DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) (RM)	
	SIANG (7.30 pagi-6.30 petang)	MALAM (7.00 malam-11.30 malam)
Deposit	1,000.00	1,000.00
Sewaan Dewan	5,400.00	6,000.00
Kos Utiliti/Pembersihan	1,000.00	1,300.00
Jumlah Sewaan dan Deposit	7,400.00	8,300.00

Jadual 1 : Kadar Baharu Sewa Bankuet, Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz.

3. Walau bagaimanapun, sebagai penghargaan kepada kakitangan awam yang berkhidmat di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor termasuk Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Undang-Undang Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan EXCO**, kadar sewaan adalah berdasarkan kepada kadar di dalam Jadual seperti di bawah :

PERKARA	KADAR DEWAN BANKUET BAGI KAKITANGAN AWAM YANG BERKHIDMAT DI PEJABAT SUK (RM)	
	SIANG (7.30 pagi-6.30 petang)	MALAM (7.00 malam-11.30 malam)
Deposit	1,000.00	1,000.00
Sewaan Dewan	2,700.00	3,000.00
Kos Utiliti/ Pembersihan	1,000.00	1,300.00
Jumlah Sewaan dan Deposit	4,700.00	5,300.00

Jadual 2 : Kadar Sewa Bankuet, Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz kepada kakitangan awam yang berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan perhatian YAD/YB/YBhg Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

**“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”
“TERBAIK DARIPADA KAMI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)
D.P.M.S., B.C.M., P.K.T., P.J.K.**